

14 JAN 1997

PM-Dialog

PENGHIJRAH MALAYSIA DIGALAKKAN PULANG BEKERJA

Oleh: K.C. Leong

LOS ANGELES, 14 Jan (Bernama) -- Penghijrah Malaysia digalakkan bekerja di Malaysia dan akan diberikan layanan yang serupa seperti ekspatriat lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Rakyat Malaysia yang telah melepaskan taraf kewarganegaraan mereka tidak akan didiskriminasikan jika mereka memilih untuk mencari pekerjaan di Malaysia, katanya kepada kira-kira 400 pelajar dan masyarakat Malaysia di California di Masjid Al-Khattab pada Isnin.

Perdana Menteri yang mengetuai kira-kira 150 ahli perniagaan Malaysia dan pegawai kerajaan sedang dalam misi seminggu untuk mempromosi Koridor raya Multimedia (MSC) kepada para pelabur Amerika di California.

Malaysia kini menghadapi masalah kekurangan pekerja hingga memaksa para majikan mengambil para pekerja asing. "Jadi tidak perlu untuk mendiskriminasi bekas rakyat Malaysia yang boleh menyumbang terhadap ekonomi negara," kata Dr Mahathir sebagai menjawab satu soalan daripada bekas warganegara Malaysia yang berhijrah ke California 20 tahun lepas.

Beliau juga menyangkal spekulasi bahawa beliau berminat menjadi Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu dengan berkata: "Saya langsung tidak berminat. Saya terlalu tua untuk meninggalkan negara." Jawapannya disambut ketawa hadirin.

Perdana Menteri juga menggesa para pelajar Malaysia supaya menyertai kelab-kelab mengadakan perjumpaan dengan pelajar Malaysia lain serta berinteraksi dengan rakyat tempatan bagi membolehkan mereka mempelajari budaya dan menguasai bahasa Inggeris.

Beliau menyuarakan rasa kecewa terhadap para pelajar yang bergaul dengan pelajar dari negeri sendiri dan pulang ke Malaysia tanpa mengetahui mengenai Amerika dan tidak mampu bertutur bahasa Inggeris dengan fasih.

Beliau menggesa para pelajar supaya menguasai bahasa Inggeris dan bahasa asing lain memandangkan perdagangan Malaysia sedang berkembang di seluruh dunia.

Mengenai Internet, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak terlalu tegas dalam penapisan tetapi tidak akan teragak-agak untuk bertindak jika satu perbuatan jenayah dibuat melalui Internet.

Beliau juga berharap masyarakat antarabangsa menerimapakai standard antarabangsa bagi para pengguna Internet yang mengharamkan pornografi atau bahan yang boleh menimbulkan kebencian, prejudis atau perbuatan jenayah yang lain dalam talian.

Katanya negara-negara seperti Jerman telahpun mengambil tindakan mengharamkan penghantaran pornografi melalui Internet.

Dr Mahathir kemudian terbuka puasa dan bersembahyang Maghrib dengan masyarakat Malaysia di sini.

Terdahulu beliau melawat Studio Todd-AO di Hollywood, studio pengeluar filem dan siri televisyen.

Perdana Menteri diberi penerangan mengenai bagaimana bunyi, dialog dan muzik diadun bagi filem baru "Dante Speaks," lakonan Pierce Brosnan. Beliau juga dibawa menyaksikan bagaimana tornado dicipta dengan menggunakan kesan khas dalam studio digital.

Todd-AO dan Infra Kekal kemudian menandatangani satu memorandum persefahaman yang disaksikan Perdana Menteri.

MoU itu menggalakkan mereka bekerjasama dalam membangunkan pasaran berpotensi bagi produk Todd-AO dan meningkatkan mutu produk audio dan video lama Malaysia seperti filem klasik P. Ramlee melalui penggunaan teknologi

digital, kata Pengarah Urusan Infra Kekal Zait Mohd Isa. -- BERNAMA
KCL RON